



Kesalahan Matrimoni: Analisis dari Perspektif Hukum Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia

(Matrimonial Offences: an Analysis from the Perspective of Islamic Law and Islamic Legal Framework in Malaysia)

Shadli Sabarudin¹, Aishah Mohd Nor^{1*}, Nur Sarah Tajul Urus²,
Nursyafiah Sulaiman³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
²Kulliyah Syariah and Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),
09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia
³Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah, 88739 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 21 July 2025
Accepted 25 August 2025
Published 6 October 2025

Keywords:
fiqh
Islamic family law
Mahkamah Syariah Malaysia
maqasid al-shariah
matrimonial offence

Katakunci:
fiqh
undang-undang keluarga Islam
Mahkamah Syariah Malaysia
maqasid al-shariah
kesalahan matrimoni

DOI:
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i2.5>

ABSTRACT

Matrimonial offences refer to acts committed by a husband or wife that contravene Islamic law and the provisions of Islamic family law. This study examines legal provisions related to matrimonial offences, specifically neglect of maintenance, marital abuse, failure to fulfil conjugal obligations (*ila'*), injustice in polygamy, and disobedience by the wife (*nusyuz*). The study explores the realm of matrimonial offences, focusing on their definitions, legal implementation and their availability under the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984. Employing a qualitative methodology, the study conducts content analysis of selected legal texts, alongside an examination of *fiqh* discourse and academic literature, to obtain accurate insights. The findings indicate that the existing legal structure is aligned with *maqasid al-shariah* in safeguarding the family institution and providing fair and just resolutions through the judicial process in Shariah Courts. Thus, this study contributes to a deeper understanding of matrimonial issues within the Islamic legal system and underscores the importance of effective enforcement of existing laws to ensure family welfare and well-being.

ABSTRAK

Kesalahan matrimoni merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh suami atau isteri yang bercanggah dengan hukum syarak dan peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam. Kajian ini meneliti peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan kesalahan matrimoni, khususnya berkaitan pengabaian nafkah, penderaan dalam perkahwinan, kegagalan memenuhi tanggungjawab hubungan suami isteri (*ila'*), ketidakadilan dalam poligami, dan ketidaktaatan isteri (*nusyuz*). Kajian ini meneroka ruang lingkup kesalahan matrimoni dengan memberi tumpuan kepada definisi, pelaksanaan peruntukan serta remedi yang diperuntukkan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Menggunakan metodologi kualitatif, kajian ini menjalankan analisis kandungan terhadap teks-teks perundangan terpilih berserta penelitian wacana *fiqh* dan akademik bagi mendapatkan dapatan

yang tepat. Struktur perundangan yang sedia ada adalah selari dengan *maqasid al-shariah* dalam menjamin institusi keluarga dan menawarkan penyelesaian yang adil dan saksama melalui proses kehakiman di Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pemahaman isu-isu berkaitan kesalahan perkahwinan dalam sistem perundangan Islam dan menegaskan kepentingan pelaksanaan yang berkesan terhadap undang-undang sedia ada demi kesejahteraan dan kebajikan keluarga.

PENDAHULUAN

Dalam Islam, perkahwinan (nikah) merupakan satu akad suci yang mengikat hubungan antara suami dan isteri, sekali gus mewujudkan hak serta tanggungjawab yang wajib dipelihara oleh kedua-dua pihak. Sebarang pelanggaran terhadap akad ini, atau perbuatan yang menjejaskan tujuan dan keharmonian rumah tangga, dianggap sebagai kesalahan matrimoni. Kesalahan-kesalahan ini tidak semestinya berbentuk jenayah menurut takrif undang-undang jenayah am, namun ia tetap merupakan pelanggaran terhadap hukum syarak yang membawa implikasi hukum dan sosial dalam institusi perkahwinan (Sabarudin et al., 2022).

Secara umumnya, kesalahan matrimoni merujuk kepada segala bentuk tindakan oleh suami, isteri, atau kedua-duanya yang bertentangan dengan hukum-hakam dan nilai-nilai Islam dalam perkahwinan. Ia termasuklah pelanggaran terhadap kewajipan syarie atau sebarang perbuatan yang menggugat tujuan utama perkahwinan seperti sakinah, mawaddah, dan rahmah. Dalam konteks semasa, kesalahan ini turut merangkumi perbuatan seperti berkahwin tanpa kebenaran pendaftar, berpoligami atau bercerai tanpa kebenaran mahkamah. Kesemua ini meskipun tidak dibincangkan secara khusus dalam perbendaharaan *fiqh* klasik, tetap dikategorikan sebagai kesalahan menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia (Sabarudin et al., 2023).

Di Malaysia, orang Islam pada umumnya tertakluk kepada undang-undang Islam dalam perkara yang berkaitan dengan hal peribadi atau kekeluargaan (Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia). Undang-undang Islam ini telah dikodifikasikan dalam beberapa statut di setiap negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai undang-undang tersendiri serta Mahkamah Syariah masing-masing bagi mentadbir Undang-Undang Keluarga Islam. Bagi tujuan artikel ini, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (AUKIWP) 1984 dijadikan sebagai rujukan utama. Walau bagaimanapun, prinsip asasnya adalah seragam dan terpakai kepada semua negeri di Malaysia.

Tujuan penggubalan kesalahan-kesalahan matrimoni ini bukanlah untuk membebankan masyarakat, sebaliknya untuk mendidik umat Islam agar hidup berakhlak dan bertanggungjawab, selaras dengan nilai ketakwaan (Nor et al., 2024). Hukuman yang diperuntukkan seperti denda atau penjara berperanan sebagai langkah pencegahan, agar individu tidak sewenang-wenangnya melanggar peraturan, dan seterusnya mengambil tanggungjawab atas tindakan mereka dengan bersedia menghadapi implikasi undang-undang (Zaidan, 2009). Walaupun peruntukan-peruntukan ini tidak bersumber secara langsung daripada nas-nas syarak, ia merupakan usaha kontemporari pihak berautoriti dalam memodenkan sistem pentadbiran undang-undang Syariah agar pelaksanaan hak dan tanggungjawab suami isteri dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan (Anwarullah, 2004; Zawawi & Hussin, 2015).

Dalam kerangka hukum syarak, kesalahan yang dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran dan Sunnah dikategorikan sebagai hudud dan qisas, iaitu hukuman yang ditentukan secara tetap berdasarkan jenis kesalahan. Sebaliknya, kesalahan yang tidak dinyatakan secara eksplisit dalam nas tetapi ditentukan oleh pihak berkuasa termasuk dalam kategori *ta'zir*. Dalam kes *ta'zir*, hakim diberi ruang budi bicara untuk menentukan bentuk hukuman berdasarkan prinsip keadilan dan kesesuaian keadaan semasa (Al-Qurtubi, 2003; Zawawi & Hussin, 2015). Oleh itu, kesalahan-kesalahan matrimoni yang diperuntukkan dalam AUKIWP 1984 tergolong dalam kesalahan *ta'zir* kerana ia digubal oleh pihak berkuasa perundangan dan melibatkan bentuk hukuman seperti denda dan penjara (Sabarudin, 2022).

Peruntukan-peruntukan ini walaupun tidak dinyatakan secara tersurat dalam sumber syariah, tetap selari dengan prinsip *maqasid al-shariah* yang bertujuan menjaga dan memelihara lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka, pendekatan penggubalan undang-undang sedemikian adalah selaras dengan kaedah *maslahah* dan kaedah-kaedah *fiqh* lain seperti *sadd al-dharā'i* (menutup jalan-jalan yang membawa kepada kemudharatan). Kefahaman yang tepat terhadap *maqasid* ini penting untuk menjustifikasi kewajaran peruntukan-peruntukan semasa yang mungkin tidak disebut secara langsung dalam kitab-kitab *fiqh*, tetapi sangat signifikan dalam menangani cabaran dan realiti kontemporari umat Islam (Sabarudin, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan yang memfokuskan kepada analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer meliputi al-Quran, hadis dan pandangan ulama, serta peruntukan dalam AUKIWP 1984. Sumber sekunder pula terdiri daripada jurnal akademik, buku rujukan moden, artikel penyelidikan, dan laporan berkaitan pentadbiran undang-undang kekeluargaan Islam. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kandungan bagi mengenal pasti prinsip hukum syarak berhubung kesalahan matrimoni dalam Islam dan implikasinya terhadap institusi perkahwinan. Kajian ini hanya menumpukan kepada kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam perkahwinan yang sah di sisi Islam dan dalam konteks sistem perundangan Syariah di Malaysia, tanpa melibatkan kesalahan jenayah syarie seperti zina atau liwat.

SOROTAN LITERATUR

Pengabaian Nafkah

Isu pengabaian nafkah merupakan antara kesalahan matrimoni yang paling kerap dirujuk ke Mahkamah Syariah. Kajian oleh Mohamad @ Mat Ali dan Musa (2021) menyorot peningkatan statistik aduan terhadap suami yang gagal menunaikan nafkah zahir, termasuk penyediaan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ketidaksedaran suami terhadap tanggungjawab kewangan, selain kelemahan mekanisme penguatkuasaan perintah mahkamah, menyumbang kepada tekanan emosi dan ketidakstabilan institusi kekeluargaan yang dialami oleh para isteri. Kajian ini turut mencadangkan agar pelaksanaan perintah potongan gaji serta sistem e-nafkah diperkasa sebagai langkah proaktif untuk menjamin kebajikan isteri secara berterusan. Kajian ini selari dengan pendekatan *maqasid al-shariah* yang menekankan penjagaan harta (*hifz al-mal*) dan penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dalam usaha memelihara maruah dan kesejahteraan hidup isteri sebagai anggota keluarga yang wajib dilindungi.

Penderaan Rumah Tangga

Penderaan fizikal dan emosi dalam perkahwinan telah menjadi isu kritikal yang memberi kesan terhadap kestabilan institusi keluarga. Yaacob dan Mohamad (2020) menegaskan bahawa walaupun peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam menyediakan ruang untuk perceraian atas alasan penderaan, pelaksanaan undang-undang tersebut masih lemah dari segi pembuktian dan keberanian wanita untuk tampil ke hadapan. Artikel ini mengusulkan agar pendekatan *maqasid al-shariah*, khususnya penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*), dijadikan prinsip utama dalam proses kehakiman dan penggubalan polisi berkaitan perlindungan wanita. Penderaan dilihat bukan sekadar kesalahan peribadi, tetapi juga jenayah sosial yang menggugat asas sakinah dalam institusi perkahwinan.

Ila' dan Penafian Hak Hubungan Suami Isteri

Ila', iaitu sumpah suami untuk tidak menyentuh isteri dalam jangka masa tertentu, menjadi salah satu bentuk penderaan spiritual yang kurang diberikan perhatian. Dalam konteks *fiqh*, *ila'* boleh membawa kepada perceraian jika suami gagal merujuk semula isteri dalam tempoh empat bulan. Ibn Qudamah (1997) dalam Al-Mughni menegaskan bahawa pengabaian terhadap hak seksual isteri adalah suatu bentuk kezaliman yang bercanggah dengan prinsip *mu'āsharah bi al-ma'rūf* (hidup bersama dengan

baik). Justeru, remedi yang bersesuaian perlu diberikan oleh hakim syarie untuk menjaga keturunan (*hifz al-nasl*) dan keharmonian keluarga.

Ketidakadilan dalam Poligami

Ketidakadilan dalam pelaksanaan poligami telah dibahaskan secara mendalam oleh Mohd Sani dan Mohd Nor (2022). Berdasarkan analisis kes-kes di Mahkamah Syariah Selangor, didapati bahawa suami sering gagal melaksanakan keadilan dalam agihan nafkah dan perhatian kepada isteri-isteri, terutamanya dari segi emosi dan masa. Kajian ini mencadangkan agar proses permohonan poligami diperkukuh dengan syarat tambahan seperti saringan psikologi, laporan kewangan, dan pengesahan bebas konflik daripada isteri pertama. Cadangan ini sejajar dengan *maqasid* penjagaan maruah/kehormatan diri (*hifz al-'irdh*) dan penjagaan akal (*hifz al-'aql*) bagi memastikan keputusan berpoligami dibuat secara rasional, bertanggungjawab, dan demi kemaslahatan semua pihak.

Nusyuz dan Ketidaktaatan Isteri

Konsep *nusyuz* sering ditafsirkan dari perspektif dominasi lelaki dalam hubungan perkahwinan. Namun,, pendekatan yang lebih seimbang telah diambil dengan meneliti hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak dalam institusi kekeluargaan. Penjelasan diberikan bahawa seorang isteri hanya dianggap *nusyuz* apabila berlaku keengganan untuk mentaati suami tanpa alasan yang sah menurut syarak, dan bukan apabila tindakannya bertujuan mempertahankan diri daripada penderaan atau pengabaian nafkah. Tafsiran hukum ditegaskan perlu disandarkan kepada konteks *maqasid al-shariah*, agar pelaksanaan undang-undang tidak membawa kepada kezaliman atau ketidakadilan terhadap mana-mana pihak. Sehubungan itu, disarankan agar mekanisme kaunseling perkahwinan dilaksanakan secara lebih berstruktur dan menyeluruh sebelum sesuatu kes diputuskan oleh Mahkamah Syariah, selaras dengan tuntutan penjagaan agama (*hifz al-din*) dan institusi kekeluargaan (*hifz al-usrah*) (Urus, 2023).

SOROTAN TEORI DAN KERANGKA KONSEPTUAL

***Maqasid al-Shariah* sebagai Kerangka Asas Perundangan Kekeluargaan**

Dalam menilai kesalahan matrimoni, *maqasid al-shariah* berperanan sebagai kerangka induk yang memberikan hala tuju normatif kepada penggubalan dan pentafsiran undang-undang kekeluargaan Islam. Al-Shatibi (2004) dalam Al-Muwafaqat menetapkan lima objektif utama syariah iaitu penjagaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*). Kesemua objektif ini berfungsi sebagai neraca dalam menentukan keabsahan tindakan suami atau isteri, dan sejauh mana kesalahan mereka menjejaskan struktur perkahwinan serta kesejahteraan keluarga. Sebagai contoh, kegagalan memberi nafkah melanggar prinsip *hifz al-mal* dan *hifz al-nafs*, manakala penderaan rumah tangga jelas mencabuli *hifz al-'aql* dan *hifz al-din*. Oleh itu, *maqasid* bukan sahaja menjadi asas normatif tetapi juga alat diagnostik dalam memahami darjah keseriusan kesalahan matrimoni dan peranannya dalam menentukan bentuk remedi yang wajar dikenakan oleh Mahkamah Syariah.


***Fiqh al-Usrah*: Prinsip Hubungan Suami Isteri dalam Islam**

Fiqh al-usrah menekankan hubungan rumah tangga yang dibina atas dasar sakinah, mawaddah dan rahmah. Dalam kerangka ini, para *fuqaha'* seperti Al-Ghazali (2005) dan Ibn Qayyim (1996) menjelaskan bahawa perkahwinan adalah '*aqd zawi al-arham*' (akad yang menjalin hubungan kekeluargaan) dan bukannya sekadar kontrak sosial biasa. Oleh itu, setiap bentuk kegagalan dalam memenuhi tanggungjawab perkahwinan, sama ada secara zahir (nafkah) atau batin (hubungan seksual), dianggap sebagai kecacatan pada kontrak yang boleh membawa kepada tuntutan pembubaran melalui *fasakh*, *talaq* atau *ta'liq*. *Fiqh al-usrah* juga menuntut pelaksanaan prinsip *ta'awun* (saling bantu) dan *tansiq* (penyesuaian) antara suami isteri. Oleh itu, penilaian terhadap kesalahan seperti *nusyuz* dan *ila'* perlu diteliti bukan secara literal semata-mata, tetapi melalui neraca keadilan dan konteks realiti kes demi memelihara *maqasid* dan maslahat keluarga.

Pendekatan Keadilan Substantif dalam Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia

Walaupun undang-undang keluarga Islam Malaysia bersifat kodifikasi dan berasaskan akta/enakmen negeri, falsafah keadilan substantif tetap menjadi tunjang kepada proses kehakiman. Dalam konteks ini, pendekatan *al-tawazun* (keseimbangan) antara teks undang-undang dan keperluan kontemporari masyarakat Islam perlu digarap secara bijaksana. AUKIWP 1984 misalnya, menyediakan peruntukan yang fleksibel dalam menangani kesalahan matrimoni termasuk *fasakh*, *ta'liq*, dan perintah nafkah. Hakim syarie turut diberi ruang untuk menggunakan *ijtihad qada'i* berasaskan *fiqh* muktabar dan *maqasid* dalam memastikan keputusan yang dikeluarkan benar-benar memenuhi prinsip keadilan substantif, bukannya sekadar menuruti keadilan prosedural (Mohamad, 2020).

Rajah 1 Kerangka Konseptual Artikel Kesalahan Matrimoni:
Analisis dari Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia



Sumber: Penulis et al. (2025)

DEFINISI MATRIMONI

Perkataan matrimoni berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *matrimony* yang bermaksud perkahwinan (*marriage*) (Hornby, 1995). Istilah *matrimonial proceeding* pula merujuk kepada prosiding yang berkaitan dengan hal ehwal suami isteri (Buang et al., 1995), termasuk perkara-perkara seperti akad nikah, pertunangan, pendaftaran perkahwinan dan lain-lain aspek yang berkaitan. Dari sudut istilah *fiqh*, matrimoni merujuk kepada suatu akad yang dilaksanakan dengan lafaz nikah bagi tujuan menghalalkan hubungan persetubuhan antara pasangan (Al-Khatib, 1950).

Sehubungan itu, kesalahan matrimoni boleh ditakrifkan sebagai sebarang perbuatan yang bertentangan dengan ikatan perkahwinan yang sah dan telah diketahui umum melalui lafaz ijab dan *qabul* semasa majlis akad nikah. Namun demikian, kesalahan-kesalahan yang melibatkan unsur penderaan, kezaliman atau keganasan rumah tangga tidak dikategorikan sebagai kesalahan matrimoni, sebaliknya diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah di bawah undang-undang yang berkenaan (Omar, 2007).

Secara umumnya, kesalahan matrimoni merujuk kepada tindakan yang bercanggah dengan prinsip dan tujuan perkahwinan menurut perspektif hukum syarak, yang boleh berpunca daripada suami, isteri, atau kedua-duanya (Omar, 2007). Berdasarkan definisi ini, mana-mana kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori kesalahan boleh tangkap menurut AUKIWP 1984 boleh dianggap sebagai kesalahan matrimoni (Sabarudin, 2017). Antaranya ialah perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran, berpoligami tanpa kebenaran mahkamah, perkahwinan tanpa kebenaran wali atau pihak berkuasa, akad nikah tanpa kebenaran atau kuasa yang sah, serta keengganan isteri mematuhi perintah

mahkamah berhubung tanggungjawab isteri terhadap suami (Sabarudin et al., 2022; Sabarudin et al., 2023; Nor et al., 2024).

KESALAHAN MATRIMONI DALAM ISLAM

Kesalahan-kesalahan matrimoni dalam Islam boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama, iaitu kesalahan yang dilakukan oleh suami dan kesalahan yang dilakukan oleh isteri. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman terhadap jenis pelanggaran yang berlaku dalam konteks hubungan perkahwinan, sama ada daripada aspek tanggungjawab, kewajipan atau ketidakpatuhan terhadap peruntukan undang-undang keluarga Islam. Bentuk-bentuk kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

Kesalahan oleh suami

a. Pengabaian nafkah isteri

Secara etimologi, perkataan nafkah bermaksud mengeluarkan atau membelanjakan sesuatu. Dari sudut istilah, nafkah merujuk kepada keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan pakaian, yang wajib disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap seseorang individu (Al-Khin et al., 2008). Dalam konteks perkahwinan, pemberian nafkah kepada isteri merupakan satu kewajipan yang digariskan secara jelas dalam hukum syarak. Kewajipan ini disandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan disebabkan Allah telah melebihkan kaum lelaki dengan beberapa keistimewaan atas kaum perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka.

Surah al-Nisa', 4: 34

Ayat ini menegaskan bahawa tanggungjawab suami terhadap isteri, termasuk dalam hal nafkah, berasaskan kedudukan lelaki sebagai pemimpin keluarga dan pihak yang menyediakan keperluan hidup. Kadar nafkah yang wajib diberikan kepada isteri adalah bersifat relatif dan bergantung kepada kemampuan kewangan suami. Faktor kedudukan sosial isteri seperti latar belakang kekayaan atau status tidak menjadi ukuran dalam menentukan kadar nafkah; sebaliknya, syarak hanya mengambil kira kemampuan suami sebagai pemberi nafkah (Al-Khin et al., 2008).

Kegagalan suami melaksanakan kewajipan memberi nafkah kepada isterinya adalah *nusyuz* (Al-Bakri, 2017) dan dianggap sebagai suatu kesalahan dari sudut hukum Islam dan juga menurut peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam. Sekiranya seorang suami yang mampu secara kewangan enggan memberi nafkah, isteri dibenarkan mengambil harta suaminya tanpa izinnya, sekadar mencukupi untuk keperluan diri dan anak-anak (Ash-Shan'ani, 2009). Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan dalam kisah Hindun Utbah RA, isteri kepada Abu Sufyan. Apabila beliau mengadu kepada Rasulullah SAW mengenai keengganan suaminya memberi nafkah.

Rasulullah SAW bersabda:

خُذِي مَا يَكْفِيكَ وَبَيْتِكَ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Ambillah sekadar yang mencukupi untuk kamu dan anak kamu dengan cara yang baik.

Riwayat al-Bukhari: 3825 dan Muslim: 1714

Sekiranya isteri tidak berupaya untuk mengambil harta suami secara langsung, beliau boleh menuntut haknya melalui perintah mahkamah (Al-Shirbini, 1958). Menurut kitab Ahwal al-Syakhsyiyah, jika suami enggan menunaikan kewajipan nafkah setelah diperintahkan oleh hakim, maka hakim perlu meneliti jenis harta yang dimiliki oleh suami. Jika terdapat harta yang nyata, hakim boleh mengarahkan penjualan harta tersebut untuk menampung nafkah isteri, dengan syarat sebahagian daripada harta itu ditinggalkan untuk keperluan suami (Zahrah, 1949).

Namun, sekiranya suami tidak memiliki harta nyata atau enggan memberikan nafkah selepas tiga kali diberi nasihat, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara. Sekiranya selepas menjalani hukuman tersebut suami masih enggan melaksanakan kewajibannya, isteri berhak memohon *fasakh* bagi membubarkan perkahwinan mereka (Zahrah, 1949).

b. Penganaiayaan terhadap isteri

Islam sangat menekankan kepentingan hubungan suami isteri yang harmoni, berasaskan kasih sayang dan saling menghormati. Isteri mempunyai hak untuk menerima layanan yang baik dan beradab daripada suaminya, sejajar dengan prinsip keadilan dan kasih sayang yang menjadi teras institusi perkahwinan dalam Islam. Sebagai ketua keluarga, suami bertanggungjawab melindungi isterinya daripada sebarang bentuk kekerasan atau kemudaratan, sama ada secara fizikal, emosi, mahupun psikologi.

Menurut Sabiq et al. (1990.), antara kewajipan utama suami terhadap isterinya ialah bergaul dengan baik, memperlakukannya dengan penuh hormat, mendahulukan hak dan keperluannya yang wajar, melunakkan hatinya melalui kelembutan, serta bersabar terhadap kekurangannya. Sikap ini mencerminkan akhlak Islam yang tinggi dan selaras dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah. Hal ini ditegaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرْتُبُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتِيَتْهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, tidak dibolehkan bagi kamu mempusakai perempuan-perempuan dengan paksa, dan janganlah kamu menyusahkan perempuan-perempuan itu kerana hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kecuali jika mereka terang melakukan perbuatan keji. Dan bergaullah dengan perempuan-perempuan secara patut, dan jika kamu kurang suka kepadanya, mungkin kiranya apa yang kamu kurang sukai itu tetapi Allah mengadakan kebaikan yang baik di dalamnya.

Surah al-Nisa', 4: 19

Begitu juga dengan sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Terjemahan: Sebaik-baik kamu ialah yang berbuat baik terhadap keluarga kamu, sesungguhnya aku berbuat baik terhadap keluargaku.

Riwayat Tirmidhi: 3895

Berdasarkan dalil-dalil ini, jelas bahawa sebarang bentuk kekerasan terhadap isteri seperti memukul, menampar, menumbuk, mencaci atau mengeluarkan kata-kata kesat adalah perbuatan yang dilarang. Malah, Rasulullah SAW sendiri mengecam perbuatan suami yang memukul isterinya pada siang hari dan kemudian menyetyubuhinya pada malam hari.

Sabda Baginda SAW:

لَا يَجْلِدُ أَحَدُكُمْ امْرَأَتَهُ جَلْدَ الْعَبْدِ ثُمَّ يُجَامِعُهَا فِي آخِرِ الْيَوْمِ

Terjemahan: Janganlah kamu memukul isteri kamu seperti memukul hamba dan kemudian di malam harinya dia disetubuhi.

Riwayat Bukhari: 5204

Dari sudut hukum jenayah Islam, jumhur *fuqaha* berpendapat bahawa sekiranya suami dengan sengaja memukul atau mencederakan isterinya, maka ia boleh dikenakan hukuman *qisas*, iaitu hukuman balas yang setimpal (Al-Kasani, 1993). Menurut Imam Malik, hukum asal bagi jenayah yang melibatkan pukulan dan kecederaan sengaja ialah *qisas*, manakala *diyah* (ganti rugi) dan *ta'zir* merupakan hukuman alternatif sekiranya *qisas* tidak dapat dilaksanakan (Al-Hattab, 2010).

Para *fuqaha* mendefinisikan jenayah pukul dan mencederakan sebagai sebarang perbuatan yang menyakiti tubuh badan seseorang tanpa menyebabkan kematian (Auda, 2008). Dalil bagi pelaksanaan *qisas* terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ
وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ
اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١٥﴾

Terjemahan: dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (al-Taurat) bahawa jiwa dibalas dengan jiwa (nyawa), mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka pun ada qisasnya (pembalasannya).

Surah al-Ma'idah, 5: 45

Manakala bagi hukuman *ta'zir*, pelaksanaannya diserahkan kepada budi bicara pemerintah atau pihak berkuasa kehakiman, bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan dan kesannya terhadap mangsa. Ia bertujuan memberi pengajaran dan mencegah pengulangan jenayah dalam masyarakat (Ismail, 1991).

c. Keengganan suami menyetubuhi isteri

Dalam Islam, hubungan suami isteri bukan sahaja terbatas kepada aspek zahir seperti tempat tinggal dan nafkah, tetapi juga merangkumi hubungan batiniah. Kegagalan suami memenuhi keperluan batin isteri, secara sengaja dan berpanjangan, dianggap sebagai *nusyuz* kerana menyebabkan kemudaratan dan boleh diklasifikasikan sebagai satu kesalahan dalam perkahwinan (Al-Bakri, 2017). Salah satu bentuk penolakan tersebut ialah melalui *ila'*, iaitu sumpah suami untuk tidak menyetubuhi isterinya. Perbuatan *ila'* ini dilarang oleh syarak, dan Allah SWT telah memberikan panduan jelas mengenainya:

لِّلَّذِينَ يُؤُولُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ فَإِنْ فَاءُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾

Terjemahan: Kepada orang-orang yang mengila' isterinya diberi tangguh empat bulan lamanya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Surah al-Baqarah, 2: 226

Dalam kes *ila'*, suami yang bersumpah untuk tidak menyetubuhi isterinya diberikan tempoh selama empat bulan, bermula dari tarikh sumpah dilafazkan. Dalam tempoh ini, suami diberi peluang untuk menarik balik sumpah tersebut dan membayar kafarah, atau membuat keputusan untuk menceraikan isterinya. Sekiranya suami melakukan hubungan kelamin dalam tempoh empat bulan tersebut, maka *ila'* itu terbatal secara automatik, namun suami tetap diwajibkan membayar kafarah kerana melanggar sumpah.

Hukuman kafarah yang diwajibkan oleh syarak bagi pelanggaran sumpah adalah mengikut turutan yang telah ditetapkan. Pertama, seseorang yang melanggar sumpahnya hendaklah memerdekakan seorang hamba, sekiranya masih wujud dalam konteks semasa. Jika pilihan tersebut tidak dapat dilaksanakan, maka dia diwajibkan memberi makan kepada sepuluh orang miskin. Sekiranya dia juga tidak berkemampuan untuk melaksanakan pilihan kedua, maka alternatif terakhir ialah berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Urutan ini adalah wajib diikuti dan tidak boleh dipilih mengikut kehendak individu, melainkan setelah terbukti ketidakmampuan untuk melaksanakan pilihan sebelumnya (Al-Jaziri, 1995).

Sekiranya tempoh empat bulan tamat dan suami masih berpegang kepada sumpahnya tanpa menyetubuhi isteri, tindakan ini dianggap sebagai suatu bentuk kemudaratan terhadap isteri. Dalam keadaan ini, isteri berhak membawa perkara tersebut ke mahkamah, dan hakim boleh mengambil tindakan berdasarkan prinsip keadilan dan perlindungan terhadap hak isteri. Dalam hal ini, terdapat dua tindakan utama yang boleh diambil oleh hakim bagi melindungi hak isteri. Pertama, hakim boleh memerintahkan suami supaya menarik balik sumpahnya, kembali menyetubuhi isterinya, serta membayar kafarah sekiranya sumpah tersebut dilafazkan dengan menggunakan nama atau sifat Allah SWT. Kedua, jika suami tetap berkeras enggan menarik balik sumpahnya dan terus menafikan hak batin isterinya, maka hakim berkuasa untuk memaksa suami menceraikan isterinya demi mengelakkan kemudaratan yang berterusan ke atas pihak isteri (Al-Khin, 2008).

Hak isteri terhadap hubungan seksual dalam perkahwinan merupakan sebahagian daripada konsep *mu'asharah bi al-ma'ruf* (pergaulan secara baik) yang digariskan oleh syarak. Pandangan para fuqaha' berbeza mengenai kadar minimum kewajipan suami dalam memenuhi hak batin isteri. Ibn Hazm berpendapat bahawa suami wajib menyetubuhi isterinya sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan sebagai satu bentuk pemenuhan hak isteri dalam perkahwinan. Sebaliknya, Imam al-Shafi'i berpandangan bahawa hubungan seksual adalah hak milik suami sepenuhnya. Oleh itu, suami tidak wajib menggunakannya, sebagaimana hak-hak lain yang berada dalam bidang kuasa dan pertimbangannya. Sementara itu, Imam Ahmad Hanbal berpendapat bahawa suami mempunyai kewajipan untuk menyetubuhi isterinya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh empat bulan (Sabiq et al., 2010).

Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa walaupun tiada kadar wajib yang seragam, namun keengganan suami untuk menyetubuhi isteri secara mutlak dan berpanjangan boleh dianggap sebagai suatu bentuk kezaliman dan boleh membawa kepada pembubaran perkahwinan atas alasan kemudaratan (*darar*), sebagaimana diiktiraf oleh undang-undang keluarga Islam dan hukum syarak.

d. Ketidakadilan dalam poligami

Islam membenarkan seorang lelaki untuk berpoligami, iaitu beristeri lebih daripada seorang, namun kebenaran ini bukanlah suatu keistimewaan yang boleh dilaksanakan secara sewenang-wenangnya. Walaupun poligami diharuskan dalam syarak, pelaksanaannya tertakluk kepada syarat dan batasan yang ketat. Ini kerana tidak semua lelaki mempunyai keupayaan dan kelayakan untuk mengamalkan poligami secara adil dan bertanggungjawab. Justeru, seseorang suami yang berhasrat untuk berpoligami perlu terlebih dahulu menilai kemampuannya secara menyeluruh, bukan sahaja dari sudut kewangan, tetapi juga keupayaan emosional, fizikal dan psikologi dalam menguruskan lebih daripada satu rumahtangga. Sekiranya perkara ini diabaikan, keputusan untuk berpoligami boleh mendatangkan pelbagai kemudaratan kepada isteri-isteri, anak-anak dan keseluruhan institusi kekeluargaan.

Dalil keharusan berpoligami dinyatakan dalam Al-Quran yang bermaksud:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ ۖ أَلَّا تَعْلَمُوا ﴿٥﴾

Terjemahan: Dan kalau kamu khawatir tidak dapat berlaku lurus terhadap anak-anak yatim itu, maka kahwinilah perempuan-perempuan yang kamu suka, dua, tiga dan empat. Tetapi kalau kamu khawatir tidak dapat berlaku adil hendaklah satu sahaja atau kepunyaan tanganmu, itu lebih dekat kepada kelurusan.

Surah al-Nisa', 4: 3

Ayat ini dengan jelas meletakkan syarat keadilan sebagai syarat utama dalam pelaksanaan poligami. Keadilan yang dimaksudkan oleh para fuqaha' meliputi aspek lahiriah yang boleh dikawal oleh suami, seperti giliran bermalam, pemberian nafkah zahir yang merangkumi tempat tinggal, pakaian, dan makanan. Termasuk juga dalam aspek ini ialah keadilan dalam hubungan seksual, di mana suami dituntut untuk menyamakan kadar hubungan intim antara isteri-isterinya. Walaupun hak persetubuhan adalah hak suami, beliau tetap bertanggungjawab untuk menunaikan permintaan isteri sekiranya tidak berada dalam keuzuran (Al-Khatib, 1950).

Contoh terbaik dalam soal keadilan antara isteri boleh dilihat melalui kehidupan Rasulullah SAW. Walaupun Baginda sangat berhati-hati dan adil dalam membahagikan nafkah dan giliran, Baginda tetap merendah diri dengan berdoa kepada Allah SWT:

اللَّهُمَّ هَذَا قَسَمِي فِيمَا أَمْلِكُ فَلَا تُلْمَنِي فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ

Terjemahan: Wahai Tuhanku, inilah pembahagianku menurut apa yang ku miliki (dalam kesungguhanku), maka janganlah Engkau mencelaku terhadap perkara yang Engkau miliki dan aku tidak miliki (tidak berkuasa).

Riwayat Abu Daud: 2134, Tirmidhi: 1140, Nasa'i: 3943 dan Ibn Majah: 1971

Kegagalan suami untuk berlaku adil terhadap isteri-isteri dalam perkahwinan poligami sehingga menyebabkan pengabaian merupakan satu bentuk perbuatan *nusyuz*. Pengabaian sebegini merupakan antara bentuk perbuatan *nusyuz* yang paling banyak dilakukan oleh suami (Al-Bakri, 2017). Namun begitu, dari segi perundangan, tidak terdapat dalil qat'i atau nas yang khusus yang menetapkan bentuk hukuman terhadap suami yang gagal berlaku adil dalam poligami. Dalam hal ini, fuqaha' berbeza pandangan. Menurut pandangan mazhab Hanafi, sekiranya seorang isteri dizalimi kerana ketidakadilan suaminya dalam perkahwinan poligami, beliau boleh mengadu kepada hakim untuk menuntut keadilan. Hakim boleh menjatuhkan hukuman *ta'zir* kepada suami, iaitu suatu bentuk hukuman yang tidak ditentukan secara tetap oleh nas, tetapi diserahkan kepada budi bicara pemerintah atau hakim berdasarkan tahap kesalahan dan kemudaran yang berlaku. Walaupun hakim tidak mempunyai kuasa untuk memaksa penceraian dalam kes ini, beliau masih berhak memberi amaran, mengenakan hukuman yang setimpal atau langkah-langkah pencegahan yang lain (Al-Naisaburi, 1990).

Kesalahan oleh isteri

Seorang isteri juga boleh dianggap telah melakukan kesalahan matrimoni apabila tindakannya terhadap suami bercanggah dengan tanggungjawab dan kewajipan yang ditetapkan oleh syarak. Perbuatan sedemikian boleh dikategorikan sebagai *nusyuz*, termasuklah keingkaran terhadap arahan suami dalam perkara yang makruf (Sabarudin, 2017). *Nusyuz* bukan sahaja mengganggu keharmonian rumah tangga, malah memberi implikasi terhadap hak-hak isteri, terutamanya hak dalam menerima

nafkah, selagi mana isteri tersebut berada dalam keadaan *nusyuz* dan belum kembali taat kepada suaminya.

e. Keengganan isteri mentaati suami (nusyuz)

Dalam konteks perkahwinan Islam, isteri yang baik ialah isteri yang menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kepada suaminya dalam perkara yang dibenarkan syarak. Ketaatan ini merupakan salah satu asas utama dalam pembentukan rumah tangga yang harmoni dan diberkati.

Rasulullah SAW telah menggambarkan ciri-ciri isteri yang baik melalui sabdanya:

أَلَا أُخْبِرُكَ بِخَيْرِ مَا يَكُونُ الْمَرْءُ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ إِذَا نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّهُ وَإِذَا أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ وَإِذَا غَابَ عَنْهَا حَفِظَتْهُ

Terjemahan: Sebaik-baik perempuan ialah apabila kamu memandangnya membahagiakan kamu, apabila kamu menyuruhnya dia akan mematuhi kamu dan apabila kamu keluar (tiada disisinya) dia akan memelihara harta kamu dan dirinya sendiri.

Riwayat Abu Daud: 1664

Kewajipan taat kepada suami ini ditegaskan oleh syarak kerana suami diberi peranan sebagai pemimpin dalam institusi keluarga. Namun begitu, ketaatan isteri kepada suami bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya ia terikat kepada syarat bahawa perintah suami tidak bertentangan dengan hukum Allah SWT. Kegagalan isteri untuk mentaati suaminya dalam hal-hal yang syarie dinamakan sebagai *nusyuz*, suatu bentuk kedurhakaan yang boleh membawa kepada kesalahan matrimoni.

Perilaku yang termasuk dalam kategori *nusyuz* merangkumi tindakan seperti enggan memenuhi kehendak hubungan kelamin tanpa alasan syarie, keluar rumah tanpa keizinan suami, memohon cerai tanpa sebab yang dibenarkan oleh hukum, melarang suami daripada menggunakan harta atau barangan milik isteri yang secara adat dan syarak telah diizinkan untuk digunakan bersama dan enggan mematuhi arahan suami yang tidak bercanggah dengan syarak. Kesemua tindakan ini terangkum dalam konsep *nusyuz*, yang merujuk kepada perbuatan derhaka atau keengganan seorang isteri untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai isteri secara sah di sisi Islam (Sabarudin, 2017). Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ فَبَاتَ غَضَبًا عَلَيْهِمَا لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ

Terjemahan: Apabila seorang suami mengajak isteri ke tempat tidur tetapi dia enggan lalu suami marah, maka malaikat akan melaknatnya hingga menjelang subuh.

Riwayat al-Bukhari: 3237

Hadis ini menunjukkan keseriusan implikasi terhadap perbuatan seorang isteri yang menolak untuk memenuhi keperluan batin suami tanpa sebab yang dibenarkan syarak, apatah lagi jika keingkaran tersebut melibatkan arahan-arahan lain daripada suami dalam perkara makruf. Tambahan pula, Rasulullah SAW turut menegaskan kedudukan ketaatan isteri kepada suami dalam sabda Baginda:

لَا يَصْلُحُ لِبَشَرٍ أَنْ يَسْجُدَ لِبَشَرٍ، وَلَوْ صَلَحَ لِبَشَرٍ أَنْ يَسْجُدَ لِبَشَرٍ، لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِرَوْجِهَا، مِنْ عِظَمِ حَقِّهِ عَلَيْهَا

Terjemahan: Kalau aku dibolehkan menyuruh seseorang sujud kepada seseorang lain, tentu aku suruh seorang isteri itu sujud kepada suaminya.

Riwayat Ahmad: 12614

Hadis ini bukan bertujuan untuk merendahkan martabat wanita, sebaliknya menunjukkan besarnya tanggungjawab isteri dalam menjayakan institusi kekeluargaan yang stabil dan berfungsi. Dalam konteks undang-undang keluarga Islam, isteri yang melakukan *nusyuz* boleh kehilangan haknya seperti nafkah, selagi mana dia berada dalam keingkaran tersebut dan belum kembali taat.

Nusyuz bukan sekadar satu istilah dalam fiqh, tetapi mencerminkan gangguan terhadap keharmonian rumah tangga dan pelanggaran terhadap prinsip tanggungjawab bersama dalam perkahwinan. Oleh itu, penyelesaian terhadap isu *nusyuz* perlu dilakukan secara bijaksana dengan memberi ruang kepada proses nasihat, sulh dan pengadilan yang adil.

ANALISIS PERUNTUKAN KESALAHAN MATRIMONIAL DALAM AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

Berikutan daripada perbincangan di atas, kajian ini memberi fokus utama terhadap beberapa kesalahan matrimoni iaitu pengabaian nafkah, penganiayaan terhadap isteri, keengganan suami menyetubuhi isteri (*ila'*), ketidakadilan dalam amalan poligami, dan ketidaktaatan isteri terhadap suami (*nusyuz*).

a. Pengabaian nafkah isteri

Kewajipan suami untuk menyediakan nafkah kepada isteri merupakan satu tanggungjawab yang ditetapkan oleh hukum syarak dan diiktiraf secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam. Seksyen 59 AUKIWP 1984 memperuntukan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk memerintahkan suami membayar nafkah kepada isteri selagi mana isteri tersebut tidak diisytiharkan sebagai *nusyuz* oleh Mahkamah Syariah. Nafkah ini meliputi keperluan asas isteri termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal, dan penjagaan kesihatan, berdasarkan kemampuan suami dan keperluan isteri menurut hukum syarak (Hashim et al., 2024).

Seksyen 59 (1) AUKIWP 1984 menyatakan:

“Tertakluk kepada Hukum Syara', Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.”

Namun, hak tersebut boleh digugurkan apabila isteri disabitkan sebagai *nusyuz* oleh Mahkamah Syariah:

Seksyen 59 (2) AUKIWP 1984 menyatakan:

“Tertakluk kepada Hukum Syara' dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya...”

Pengabaian nafkah oleh suami boleh menjadi asas bagi isteri untuk memohon pembubaran perkahwinan atau *fasakh* melalui Mahkamah Syariah. Seksyen 52(1)(b) AUKIWP 1984 memperuntukkan bahawa isteri berhak menuntut *fasakh* sekiranya suami cuai atau tidak mengadakan peruntukan nafkah selama tempoh tiga bulan berturut-turut, tanpa alasan yang munasabah.

Seksyen 52 (1)(b) AUKIWP 1984 menyebut:

“...bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan...”

Tindakan pengabaian nafkah sedemikian dianggap sebagai suatu bentuk kezaliman terhadap isteri dan bercanggah dengan *maqasid* perkahwinan Islam yang bertujuan menjaga kemaslahatan serta kesejahteraan institusi kekeluargaan. Dalam konteks *maqasid al-shariah*, kewajipan memberi nafkah kepada isteri termasuk dalam usaha menjaga jiwa (*al-nafs*) dan maruah (*al-'ird*) dan pengabaian nafkah bukan sahaja mengancam kelangsungan hidup dan maruah isteri, tetapi turut mengugat kestabilan keluarga yang menjadi asas kepada masyarakat Islam yang sejahtera.

b. Penganiayaan terhadap isteri

Penganiayaan terhadap isteri merupakan satu bentuk kesalahan yang diiktiraf secara jelas dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan boleh mengundang tindakan jenayah serta menjadi asas pembubaran perkahwinan secara sah. Dalam konteks perundangan, Seksyen 127 AUKIWP 1984 memperuntukkan bahawa mana-mana suami yang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda atau penjara, atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 127 AUKIWP 1984 menyatakan:

“Mana-mana orang yang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

Mahkamah juga mempunyai kuasa untuk mengarahkan pampasan dibayar kepada isteri atas harta yang telah ditipu atau dilupuskan secara tidak sah. Peruntukan ini menunjukkan bahawa undang-undang mengiktiraf bukan sahaja penderaan fizikal, tetapi juga penderaan ekonomi sebagai satu bentuk penganiayaan yang serius.

Selain daripada aspek jenayah, penganiayaan juga boleh dijadikan asas tuntutan pembubaran perkahwinan atau *fasakh* oleh isteri. Seksyen 52(1)(h) Akta yang sama memperuntukkan bahawa seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan melalui perintah *fasakh* sekiranya dia dianiaya oleh suaminya. Peruntukan ini merangkumi pelbagai bentuk penderaan, termasuk:

*“(i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau
(iv) melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu...”*

Ini membuktikan bahawa penderaan terhadap isteri, sama ada secara fizikal, emosi, psikologi, atau ekonomi, merupakan bentuk kezaliman yang diiktiraf oleh hukum syarak dan perundangan sebagai alasan yang sah untuk pembubaran perkahwinan. Pendekatan ini selaras dengan maqasid al-shariah yang menekankan perlindungan terhadap kehormatan diri, kestabilan emosi dan hak milik wanita, sekaligus memastikan kesejahteraan mereka dalam kerangka institusi perkahwinan.

Dari perspektif perundangan sivil di Malaysia, Seksyen 326A Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman yang lebih berat, iaitu penjara sehingga dua kali ganda maksimum, terhadap pesalah yang menyebabkan kecederaan kepada pasangan. Peruntukan ini menegaskan bahawa undang-undang negara memberi perhatian khusus terhadap perlindungan suami dan isteri dalam institusi perkahwinan. Selain itu, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 turut menyediakan mekanisme perlindungan kepada isteri yang menjadi mangsa penderaan rumah tangga, sama ada penderaan fizikal, mental, emosi, seksual mahupun ekonomi. Akta ini membolehkan mangsa mendapatkan perintah perlindungan daripada mahkamah serta bantuan sokongan lain, sekali gus menegaskan komitmen undang-undang Malaysia untuk melindungi isteri daripada penganiayaan.

c. Keengganan suami menyetubuhi isteri

Perbuatan suami yang enggan menyetubuhi isteri tanpa alasan yang munasabah tidak diklasifikasikan sebagai satu kesalahan jenayah khusus di bawah AUKIWP 1984. Namun demikian, tindakan tersebut tetap dianggap sebagai bentuk kezaliman dan pengabaian tanggungjawab batin yang boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga. Oleh itu, isteri berhak untuk menuntut pembubaran perkahwinan melalui perintah *fasakh* berdasarkan peruntukan Seksyen 52(1) AUKIWP 1984.

Merujuk kepada Seksyen 52(1) AUKIWP 1984, antara alasan isteri untuk menuntut *fasakh* ialah:

“(d) bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;

- (e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
 (i) bahawa walau pun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhi oleh kerana suami bersengaja enggan mensetubuhinya...”

Walaupun bagaimanapun, dalam kes mati pucuk, Mahkamah Syariah boleh memberi peluang kepada suami untuk membuktikan dalam tempoh enam bulan bahawa keadaannya telah pulih. Jika suami berjaya membuktikan dalam tempoh tersebut, permohonan *fasakh* atas alasan tersebut boleh ditolak.

Seksyen 52 (3) AUKIWP 1984 memperuntukkan:

“... Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.”

Walaupun tiada peruntukan jenayah khusus mengenai penolakan hubungan seksual oleh suami, undang-undang tetap menyediakan saluran keadilan kepada isteri. Mahkamah Syariah boleh membenarkan *fasakh* sekiranya terbukti suami enggan menunaikan nafkah batin secara berterusan dan tanpa alasan yang sah menurut hukum syarak. Pendekatan ini mencerminkan komitmen syariah dalam memelihara kepentingan jiwa (*al-nafs*) dan keturunan (*al-nasab*), dengan mengelakkan berlakunya zina yang mungkin timbul akibat tekanan atau pengabaian dari segi seksual dan emosi. Ia juga memastikan institusi perkahwinan terus berfungsi sebagai landasan yang menjamin hak, tanggungjawab dan keseimbangan antara pasangan.

d. Ketidakadilan dalam poligami

Poligami dalam Islam dibenarkan secara bersyarat, dengan penekanan yang tegas terhadap prinsip keadilan. Kegagalan suami untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya, terutamanya dalam hal nafkah, giliran, tempat tinggal, dan layanan emosi, dianggap sebagai satu bentuk kezaliman dan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang Syariah.

Menurut Seksyen 128 AUKIWP 1984, suami yang gagal berlaku adil kepada isterinya sebagaimana yang dituntut oleh hukum syarak telah melakukan satu kesalahan jenayah syariah. Jika disabitkan, Mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 128 AUKIWP 1984:

“Mana-mana orang yang tidak memberi keadilan sewajar kepada isterinya mengikut Hukum Syara’ melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

Dalam konteks perkahwinan poligami, Seksyen 52(1)(h)(vi) AUKIWP 1984 turut memberikan perlindungan kepada isteri. Sekiranya suami mempunyai lebih daripada seorang isteri dan gagal melayani isteri berkenaan secara adil menurut kehendak hukum syarak, isteri berhak memohon pembubaran perkahwinan secara *fasakh* melalui Mahkamah Syariah.

Seksyen 52 (1)(h)(vi) AUKIWP 1984 memperuntukkan bahawa:

“jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syara’.”

Justeru, undang-undang memperuntukkan ruang kepada isteri untuk mendapatkan keadilan melalui saluran *fasakh* sekiranya terbukti wujudnya ketidakadilan dalam pelaksanaan poligami.

Langkah ini sejajar dengan prinsip syariah yang menekankan keadilan, menghindari kemudaratan (*dar' al-mafsadah*), dan memelihara maruah serta kestabilan emosi isteri sebagai teras keharmonian rumah tangga.

e. Ketidaktaatan isteri terhadap suami (nusyuz)

Dalam konteks perundangan Islam, ketidaktaatan isteri terhadap suami tanpa sebab yang sah menurut hukum syarak dikenali sebagai *nusyuz*, dan ia mempunyai implikasi dari segi hukum kesalahan matrimoni serta hak-hak dalam perkahwinan.

Seksyen 129 AUKIWP 1984 menyebut:

“Seseorang perempuan yang dengan sengaja tidak menurut sesuatu perintah yang diberi oleh suaminya yang sah mengikut Hukum Syara’ melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudiannya, denda tidak melebihi lima ratus ringgit.”

Peruntukan ini bertujuan menegakkan prinsip tanggungjawab dan ketaatan dalam hubungan perkahwinan selagi mana arahan suami adalah makruf dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Namun demikian, ia perlu difahami dan dilaksanakan secara adil bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh suami serta bagi melindungi hak-hak isteri yang sah.

Dari segi hak perkahwinan, *nusyuz* menggugurkan hak isteri terhadap nafkah dan perlindungan sebagai seorang isteri. Perkara ini dinyatakan secara khusus dalam Seksyen 59(2) AUKIWP 1984 yang menyatakan bahawa isteri yang *nusyuz* tidak berhak menerima nafkah daripada suaminya.

“Seksyen 59 (2) ...seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain -
(a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
(b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;
(c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syara’.”

Namun, undang-undang juga memperuntukkan bahawa status *nusyuz* bukanlah kekal. Menurut Seksyen 59(3) AUKIWP 1984, sekiranya isteri bertaubat dan kembali taat kepada suami, maka status *nusyuz* itu dianggap terhapus dan hak isteri terhadap nafkah boleh dipulihkan.

“Seksyen 59 (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz”

Dengan itu, konsep *nusyuz* perlu difahami secara seimbang, bukan semata-mata sebagai alat kawalan suami, tetapi sebagai mekanisme yang menuntut tanggungjawab bersama antara suami dan isteri dalam memelihara kehormatan, menjaga kesejahteraan emosi, dan mencegah kemudaratan dalam institusi perkahwinan.

Kesalahan matrimoni dalam peruntukan AUKIWP 1984 boleh dirumuskan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Kesalahan Matrimoni dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Kesalahan Matrimoni	Peruntukan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam	
Pengabaian nafkah isteri	Seksyen 59	Mahkamah boleh memerintahkan suami membayar nafkah kepada isteri selagi isteri tidak diisytiharkan sebagai <i>nusyuz</i> .
	Seksyen 52(1)(b)	Isteri berhak memohon <i>fasakh</i> jika suami gagal memberi nafkah selama tiga bulan berturut-turut.
	Seksyen 127	Suami (atau isteri) yang menganiaya atau menipu harta pasangannya melakukan kesalahan dan boleh

Penganiayaan terhadap isteri	Seksyen 52(1)(h)	dikenakan denda atau penjara. Pampasan boleh diperintahkan. Isteri berhak menuntut <i>fasakh</i> atas alasan dianiaya, termasuk penderaan fizikal, emosi atau ekonomi.
Keenganan suami menyetubuhi isteri	Tiada peruntukan	Bukan kesalahan matrimoni. Namun boleh dijadikan alasan untuk tuntutan <i>fasakh</i> di bawah Seksyen 52(1)(d), (e), dan (i).
Ketidakadilan dalam poligami	Seksyen 128 Seksyen 52(1)(h)(vi)	Tidak berlaku adil terhadap isteri merupakan kesalahan syariah dan boleh dikenakan hukuman. Isteri berhak menuntut <i>fasakh</i> sekiranya suami gagal berlaku adil dalam perkahwinan poligami.
Ketidaktaatan isteri terhadap suami (<i>nusyuz</i>)	Seksyen 129 Seksyen 59(2) dan (3)	Kesalahan matrimoni yang boleh dikenakan denda sahaja. Mahkamah boleh mengeluarkan arahan kembali taat. Isteri yang <i>nusyuz</i> hilang hak nafkah, namun hak tersebut boleh dipulihkan jika kembali taat menurut hukum syarak.

Sumber: Penulis et al. (2025).

PERBINCANGAN

Dalam kerangka perundangan keluarga Islam, kesalahan-kesalahan matrimoni boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu kesalahan suami dan kesalahan isteri. Pembahagian ini menggambarkan pembahagian peranan yang berbeza tetapi saling melengkapi. Dari perspektif hukum syarak, tanggungjawab suami dalam sesebuah perkahwinan adalah lebih berat dan menyeluruh, merangkumi kewajipan memberi nafkah zahir dan batin, melindungi isteri, berlaku adil dalam poligami, serta menjadi pemimpin dalam keluarga. Justeru, adalah wajar bahawa kesalahan-kesalahan yang boleh dilakukan oleh suami lebih banyak dikodifikasikan dalam undang-undang berbanding dengan isteri. Ini selari dengan prinsip *qawwam* (pemimpin keluarga) dan *al-ghunm bil-ghurm* (tanggungjawab seiring dengan hak), iaitu sesiapa yang memperoleh kuasa dan hak yang lebih, perlu juga memikul tanggungjawab yang lebih besar. Maka, kegagalan suami menunaikan tanggungjawab ini boleh dianggap sebagai pelanggaran syarak dan undang-undang.

Manakala bagi isteri, kebanyakan kesalahan digolongkan di bawah konsep *nusyuz*, yang walaupun merangkumi pelbagai bentuk ketidakpatuhan, tetap dilihat sebagai satu kategori kesalahan utama. Ini menunjukkan bahawa struktur tanggungjawab isteri lebih tertumpu kepada kepatuhan dan kerjasama dalam rumah tangga. Namun, pendekatan ini perlu dinilai secara kritikal, kerana dalam konteks kontemporari, persepsi tentang peranan gender dan keadilan antara pasangan telah berubah. Oleh itu, pemahaman terhadap *nusyuz* juga harus dikembangkan agar lebih inklusif, tidak bersifat menyalahkan secara mutlak, dan mengambil kira faktor sosiologikal dan psikologikal yang mendorong berlakunya konflik rumah tangga.

Di samping itu, terdapat beberapa kesalahan yang diperuntukkan dalam AUKIWP 1984 yang tidak disebut secara literal dalam nas syarak, seperti perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran dan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah. Walaupun secara tekstual tidak terdapat dalam al-Quran atau Hadis, peruntukan ini wujud atas dasar maslahah mursalah, iaitu untuk memelihara kemaslahatan umum. Dalam kerangka maqasid al-shariah, peraturan sedemikian bertujuan melindungi lima perkara asas iaitu agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*), dan harta (*al-mal*). Tanpa kawalan undang-undang, sebarang tindakan unilateral seperti talak luar mahkamah atau poligami yang tidak berlandaskan keadilan akan membawa kepada kemudaratannya yang besar kepada isteri, anak-anak, dan masyarakat. Maka, perundangan ini bukanlah satu pencabulan terhadap hukum syarak, sebaliknya merupakan penyesuaian *fiqh* terhadap realiti semasa demi menjamin keadilan dan kestabilan institusi kekeluargaan.

KESIMPULAN

Kesalahan matrimoni dalam Islam bukan semata-mata pelanggaran kontrak sosial antara suami dan isteri, tetapi merupakan kegagalan menunaikan amanah dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh

hukum syarak. Kewujudan peruntukan undang-undang yang mengiktiraf dan mengawal kesalahan-kesalahan ini mencerminkan usaha untuk menegakkan keadilan, menjaga kemaslahatan keluarga, serta memelihara nilai-nilai teras dalam *maqasid al-shariah* seperti agama, maruah, nyawa, akal dan harta. Walaupun terdapat beberapa kesalahan yang tidak disebut secara jelas dalam nas syarak tetapi diinstitusikan melalui undang-undang, ia tetap sah dari sudut *fiqh siyasa* kerana bertujuan memelihara kepentingan awam dan memastikan sistem perkahwinan Islam berjalan secara teratur dan berkesan. Maka, kefahaman yang menyeluruh terhadap tanggungjawab suami isteri, bimbingan berterusan, serta penguatkuasaan undang-undang yang bijaksana amat penting dalam memastikan matlamat perkahwinan menurut Islam terus terpelihara dan dihormati dalam masyarakat kontemporari. Bagi kajian akan datang, dicadangkan agar penelitian lebih mendalam dilakukan terhadap perbahasan *fiqh* klasik dengan memberi tumpuan kepada perbezaan pandangan antara empat mazhab utama serta pandangan ulama kontemporari. Selain itu, analisis terhadap kes-kes di Mahkamah Syariah juga wajar dilakukan bagi menilai kepelbagaian pandangan tersebut mempengaruhi penggubalan undang-undang dan keberkesanan pelaksanaan prinsip hukum syarak dalam konteks kesalahan matrimoni di Malaysia.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Shah Alam atas penerbitan hasil kajian ini, serta Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah atas segala bentuk sokongan, kerjasama dan sumbangan maklumat yang telah membantu menjayakan penyelidikan ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari sudut kawangan atau hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan dalam penulisan artikel ini. Perkara ini amat penting bagi mengekalkan keaslian dan ketulenan bagi menghasilkan kualiti yang terbaik sepanjang penulisan artikel ini berlangsung.

SUMBANGAN PENULIS

Shadli Sabarudin mengumpul data, Aishah Mohd Nor dan Nur Sarah Tajul Urus menulis dan menyemak artikel. Manakala Nursyafiah Sulaiman menyemak dan menambah baik artikel.

RUJUKAN

- Al-Bakri, Z. M. (2017, September 27). Irsyad Hukum Siri Ke-206: *Nusyuz Jika Mertua Membawa Isteri Keluar Tanpa Kebenaran Suami*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/658-irsyad-al-fatwa-siri-ke-206-nusyuz-jika-mertua-membawa-isteri-keluar-tanpa-kebenaran-suami>
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Hattab A.R. (2010) *Mawahib Al Jalil As Syarh Mukhtasar Khalil*, juz 6. Cairo: Dar Al-Hadis)
- Al-Jawziyyah, I.Q. (1996). *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad* (Vol. 5). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Jaziri, A. (1995). *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*. Juz 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Kasani, A. A. B. B. (1993). *Badai al-Sanai Fi Tartib-al-Shara'*. Beirut: Dal Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Khatib, S.M.A. (1950). *Al-Iqna' fi Hall al-Faz Abi Shuja'* (Vol. 2). Cairo: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyya.

- Al-Khin, M., Al-Bugha, M & Al-Sharbaji, A. (2008). *Kitab Fiqh Mazhab Shafii*. Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.
- Al-Naisaburi, A.H. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn fi al-Hadith (Juz' 2)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, I. R. (2003). *Bidayat al-mujtahid wa nihayat al-muqtasid*. Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Al-Shatibi, A.I. (2004). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah (Vol. 2)*. Cairo: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Shawkaniy. (1998). *Nayl Al-Awtar*. Riyadh: Dar Al-Muayyid
- Al-Shirbini, M. B. M. (1958). *Mughni al-muhtaj ma'ani al-faz al-Minhaj* Vol. 2. Kaherah, Mesir: Sharikat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Suyuti, J. A. (1989). *Tadrib al-Rawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, M.I. (1975). *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Ibrahim 'Athauwah. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Anwarullah, D. S. L. J. (2004). *Principles of evidence in Islam*. Publisher: Dar Al Wahi.
- Ash-Shan'ani, M., & Ismail, M. (2009). *Subulus Salam Syarah Bulughul Maram. Juz IV* Beirut: Dar Al-Kutub.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-shariah as philosophy of Islamic law: a systems approach*. London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Buang, S., Nassier Hamid dan Maimonah Hamid. (1995). *Kamus Istilah Undang-undang English-Malay*. Ampang Jaya, Selangor: Central Law Book.
- Hashim, N. M., Lindsey, T., Kusrin, Z. M., & Nor, A. M. (2024). Determination of Child Maintenance after divorce in Malaysia's Syariah Courts. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 9(29).
- Hornby, A. S. (1995). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford: Oxford University Press.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni (Vol. 7)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail, P. H. (1991). *Undang-undang jenayah Islam*. Petaling Jaya, Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Lembut, I. (2006). Kesalahan-kesalahan dalam Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri di Malaysia. In Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md. Supi (pnyt). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mohamad @ Mat Ali, A. H., & Musa, N. (2021). Pengabaian nafkah isteri dalam perkahwinan: Satu analisis dari perspektif undang-undang dan maqasid al-shariah. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 29(2), 115–132.
- Mohamad, A. (2020). Prinsip keadilan substantif dalam penghakiman Mahkamah Syariah: Satu pendekatan maqasid. *Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 10(2), 88–105.
- Mohd Sani, R., & Mohd Nor, M. A. (2022). Ketidakadilan dalam pelaksanaan poligami di Malaysia: Tinjauan kes Mahkamah Syariah di Selangor. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 18(1), 45–60.
- Nor, A.M., Sabaruddin, S. & Saidon, R. (2024). Factors Influencing the Degree of Penalties for Matrimonial Offenders in The Selangor Shariah Court of Malaysia. *International Journal of Religion* 5.
- Omar, N. (2007). Perlaksanaan hukum kesalahan matrimoni: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006/2007.).

- Sabarudin, S. (2017). *Analisis penalti terhadap kesalahan-kesalahan matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor* [Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Sabarudin, S., Mohd Nor, A., & Saidon, R. (2022). Analisis pembuktian prima facie berdasarkan sabitan qarinah dalam kesalahan matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 8(2), 79-92.
- Sabarudin, S., Nor, A. M., & Saidon, R. (2023). An Analysis of the Penalties Imposed on Matrimonial Offenders in the Selangor Shariah Court of Malaysia. *J. Legal Ethical & Regul. Issues*, 26.
- Sabiq, A. S., Hasanuddin, N., Saipuddin, A., & Al-Yamani, J. (1990). *Fiqh al-sunnah*. Dār al-Rayān lil-Turāth.
- Urus, N.S.T. (2023). Implikasi kesalahan matrimoni terhadap institusi keluarga. *Majallah Kulliyah Syariah Wal Qanun UniSHAMS*, 12(1), 77–91.
- Yaacob, A., & Mohamad, M. H. (2020). Penderaan rumah tangga dalam undang-undang kekeluargaan Islam: Analisis terhadap pendekatan maqasid al-shariah. *Jurnal Fiqh dan Perundangan Islam*, 15(3), 221–240.
- Zahrah, M. A. (1949). *Ahwal al-Syahsiyyah*. Kairo: Darul al-Fikr al-Arabi
- Zaidan, A.K. (2009). *al-Wajiz Fi Ushul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zawawi, M., & Hussin, N. (2015). Forgiving the enemy: A comparative analysis of the concept of forgiveness in Shari'ah and Malaysian Law. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 23, 43-54.

Senarai Statut

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Perlembagaan Persekutuan Malaysia



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).